

NTU dan institut Israel jalin kerjasama kaji satelit, angkasa lepas

UNIVERSITI Teknologi Nanyang (NTU) dan Institut-Technion Teknologi Israel (Technion) telah memeterai perjanjian kerjasama dalam penyelidikan satelit dan angkasa lepas.

Menerusi perjanjian tersebut, NTU dapat memperluaskan program penyelidikan satelitnya dengan Technion, salah sebuah universiti penyelidikan sains dan teknologi terbaik di dunia.

Technion juga dikenali sebagai universiti yang menghasilkan ramai pemimpin syarikat-syarikat berteknologi tinggi di Israel.

Kerjasama antara keddua universiti itu akan dijalankan di bawah satu Memorandum Persefahaman (MOU) yang dimeterai Presiden NTU, Profesor Bertil Andersson, dengan Presiden Technion, Profesor Peretz Lavie, di kampus Technion di Haifa, Israel, kelmarin.

Perjanjian ini akan memperkukuhkan program satelit NTU dan kedudukannya sebagai universiti nombor satu di Singapura dalam penyelidikan satelit.

– Profesor Bertil Andersson, Presiden NTU.

“Perjanjian ini akan memperkukuhkan program satelit NTU dan kedudukannya sebagai universiti nombor satu di Singapura dalam pe-

nyelidikan satelit,” kata Profesor Andersson.

Profesor Lavie pula berkata gabungan ilmu pengetahuan dan bakat daripada keddua universiti itu juga akan menghasilkan pemimpin bermutu tinggi dan cemerlang dalam bidang sains dan teknologi di Singapura dan Israel.

Di bawah MOU itu, Pengarah Pusat Penyelidikan Satelit NTU, Profesor Madya Low Kay Soon, dan Pengarah Institut Penyelidikan Angkasa Lepas Asher Technion, Profesor Ehud Behar, telah mengenal pasti beberapa bidang yang berpotensi bagi penyelidikan.

Hasil penyelidikan itu dijangka dirangkumkan dalam program satelit nano yang dijalankan keddua universiti tersebut.

Di bawah perjanjian itu juga, keddua universiti berkenaan boleh menjangkakan program pertukaran fakulti dan pelajar bagi mahasiswa dan penuntut possiswazah.